

## **Pelaksanaan Kedudukan Istimewa Orang Melayu Sebelum dan Selepas Malaysia Merdeka: Reaksi Orang Melayu**

### **Abstrak**

The special position of the Malays has been recognized by the British since before independence. British colonists already recognize the position began in 1914 with the creation of Malay Reservation Enactment. The rating is further strengthened through the establishment of the Federation of Malaya Agreement 1948. Although the position is certified by the British and was established as a vehicle to develop the economic position of the Malays are left behind by others, but the effect has not been done in earnest. The rating is further strengthened in the Federation of Malaya in 1957 as an agreement between the people for some concessions in particular on the non-Malay citizenship. But after independence (from the year 1957 to 1960), the special position of the Malays slowly implemented in economic development and government policies. It has also sparked dissatisfaction among the Malays. This article discusses the history of the existence of the position of the Malays and the reaction to the implementation of such a position either before and after independence until 1960.

Keyword: the special position of the Malays, economic backwardness, the reaction of the Malay

Kedudukan istimewa orang Melayu telahpun diiktiraf oleh British semenjak sebelum merdeka lagi. Penjajah British sudahpun mengiktiraf kedudukan tersebut bermula pada tahun 1914 dengan mewujudkan Enakmen Tanah Rezab Melayu. Kedudukan tersebut terus diperkukuhkan melalui penubuhan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Walaupun kedudukan tersebut diperakui oleh British dan diwujudkan sebagai wahana memajukan kedudukan ekonomi orang Melayu yang ketinggalan berbanding kaum lain, namun pelaksanaannya tidak dilakukan bersungguh-sungguh. Kedudukan tersebut terus diperkukuhkan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai satu persetujuan antara kaum terhadap beberapa konsensi khususnya mengenai hak kerakyatan kaum bukan Melayu. Namun selepas merdeka (dari tahun 1957-1960), kedudukan istimewa orang Melayu agak lambat dilaksanakan dalam pembangunan ekonomi dan dasar kerajaan. Keadaan ini mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu. Artikel ini membincangkan sejarah kewujudan kedudukan tersebut dan reaksi orang Melayu terhadap pelaksanaan kedudukan tersebut sama ada sebelum dan selepas merdeka sehingga tahun 1960.

Keyword: kedudukan istimewa orang Melayu, kemunduran ekonomi, reaksi orang Melayu

## **Pendahuluan**

Perjuangan orang Melayu untuk memperkukuh hak kedudukan istimewa mereka mempunyai kaitan yang rapat dengan kedatangan kaum dagang (imigran) dalam skala besar pada abad ke 19 M yang membawa implikasi besar kepada kedudukan ekonomi dan politik orang Melayu. Tambahan pula, apabila *Malayan Union* diperkenalkan pada tahun 1946, hak ketuanan Melayu telah dihapus menyebabkan lahirnya kesedaran politik orang Melayu untuk mempertahankan hak-hak mereka yang telah wujud zaman berzaman. Apabila gagasan *Malayan Union* dikuburkan melalui penentangan orang Melayu, British memperkenalkan pula Perjanjian Persekutuan 1948 yang menyaksikan hak istimewa orang Melayu bukan saja dikembalikan tetapi diperkukuhkan melalui Perjanjian Persekutuan 1948. Walau bagaimanapun, kaum bukan Melayu telah menentang keras Perjanjian ini kerana didakwa tidak bersikap adil kepada mereka terutama dalam soal kerakyatan. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu, perbincangan antara kaum amat rancak berlaku terutama yang berhubung dengan isu-isu komunal.

Orang Melayu telah menjadikan kedudukan hak istimewa mereka sebagai salah satu pakej tawar menawar dengan kaum bukan Melayu yang inginkan prinsip *jus soli* diguna pakai dalam pemberian hak kerakyatan kepada mereka. Laporan Reid yang diterbitkan pada 21 Februari 1957, telah mengiktiraf kedudukan hak istimewa orang Melayu tetapi dibataskan tempohnya selama lima belas tahun selepas Merdeka. Limitasi masa terhadap kedudukan hak istimewa orang Melayu seperti yang dibuat oleh Laporan Reid telah menimbulkan bantahan meluas orang Melayu yang menyebabkan dalam draf Perlembagaan 1957, limitasi masa tersebut telah digugurkan. Sementara itu, kaum bukan Melayu di luar parti Perikatan telah membantah peruntukan mengenai kedudukan hak istimewa orang Melayu dan mereka menginginkan agar

hak istimewa tersebut dibataskan tempohnya. Walau bagaimanapun, parti kaum Cina MCA dan parti kaum India, MIC telah menerima hakikat tersebut sebagai satu tawar menawar dan tolak ansur yang penting bagi mencapai kemerdekaan. Apabila draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diluluskan dengan sebulat suara oleh ahli Dewan Undangan Persekutuan pada 11 Julai 1957, hak istimewa orang Melayu telah dimaktubkan dalam Perlembagaan melalui Perkara 153. Artikel ini bertujuan melihat bagaimanakah implimentasi hak istimewa orang Melayu dilakukan iaitu sebelum (pada zaman penjajahan British) dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (antara tahun 1957-1958). Artikel ini turut membincangkan reaksi orang Melayu terhadap pelaksanaan hak tersebut oleh kerajaan Perikatan yang ditunjangi oleh UMNO setelah perjuangan mereka dan orang Melayu umumnya untuk melihat hak tersebut dimaktubkan dalam Perlembagaan tercapai.

### **Sejarah Pelaksanaan Kedudukan Istimewa Orang Melayu**

Melalui fakta sejarah, kedudukan hak istimewa orang Melayu telah banyak mewarnai perkembangan politik Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Orang Melayu telah berjaya meletakkan hak istimewa orang Melayu sebagai satu hak yang kekal dan dilindungi melalui Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan 1957. Kejayaan tersebut sebagai pengiktirafan kepada orang Melayu sebagai kaum bumiputera dan persetujuan kaum bukan Melayu, kerana penerimaan mereka sebagai rakyat Tanah Melayu ketika itu oleh kaum Melayu. Walaupun kaum bukan Melayu telah menerima kedudukan hak istimewa orang Melayu, namun ia masih tidak dapat menghapuskan syak wasangka kaum bukan Melayu, bahawa hak tersebut akan membawa makna penghapusan kepentingan ekonomi kaum bukan Melayu di negara ini. Kegusaran itu dapat dileraikan sebelum merdeka apabila istilah hak istimewa orang Melayu itu tidak dalam

pengertian yang umum tetapi telah diberikan definisi yang jelas supaya maknanya dapat difahami, jaminan untuk memelihara hak semua kaum, tidak ada sesuatu kaum pun yang dilarang dalam kegiatan ekonomi dan dirampas hak mereka kerana ia bukan dari kaum Melayu.

Perkara ini disebutkan oleh Tan Siew Sin , menurutnya:

Pemeliharaan kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan kaum lain di sisi undang-undang. Boleh kita lihat bahawa ayat yang pendek ini tidak mempunyai sebarang erti, tetapi ia boleh juga memberi banyak erti. Ayat ini umum tetapi ia juga lengkap dan cukup penuh dan boleh ditafsirkan kepada satu tafsiran yang makna pada hakikatnya penghapusan kepentingan ekonomi orang Cina di sekitar ekonomi yang penting. Sekali lagi menerusi kemerdekaan, syarat-syarat yang menggerunkan ini telah dilonggarkan kepada satu definisi yang lebih jelas supaya maknanya akan dapat dimengertikan oleh semua orang (Tan Siew Sin, 1965).

Rasional dari pewujudan hak istimewa orang Melayu disebabkan kaum Melayu masih jauh ketinggalan berbanding kaum bukan Melayu dalam kegiatan ekonomi, pendidikan dan bidang yang lain. Kemunduran orang Melayu telah diakui oleh pihak Suruhanjaya Reid dengan mengatakan, “*The Malays would be at a serious and unfair disadvantage compared with other communities...*” (Federation of Malay Constitution Commission 1956-1957, 72). Hak tersebut juga telah diakui dalam dalam perjanjian-perjanjian antara British dengan negeri-negeri Melayu, di mana hak istimewa orang Melayu sentiasa diakui dan diterima dari masa ke semasa. Umpamanya dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu hak istimewa orang Melayu

diletakkan di bawah klausa 19 (1) (d) (Federation of Malay Constitution Commission 1956-1957, 72). Untuk memberi keadilan kepada semua kaum, maka hak istimewa orang Melayu telah diberi satu definisi yang jelas seperti yang dicadangkan oleh pihak Suruhanjaya Reid dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 melalui Perkara 153. Hak istimewa orang Melayu tersebut adalah meliputi perkara rizab tanah orang Melayu, kuota kemasukan ke dalam perkhidmatan kerajaan, kuota pengeluaran permit atau lesen perniagaan tertentu dan biasiswa pelajaran . (Federation of Malay Constitution Commission 1956-1957, 71-72).

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kedudukan hak istimewa orang Melayu tersebut telah diakui oleh British. British telah mengisytiharkan satu polisi bahawa orang Melayu mempunyai kedudukan istimewa berbanding dengan kaum lain dan mereka mempunyai obligasi bagi melindungi orang Melayu dan menjaga Kesultanan Melayu melalui beberapa perjanjian yang telah mereka meterai dengan Sultan Melayu. Sir William Ormsby-Gore, apabila beliau melawat Tanah Melayu pada tahun 1928, telah menegaskan kembali tanggungjawab tersebut dengan menyatakan,

*...and the primary object of our share in the administering of these countries must always be the progress of the indigenous Malay inhabitants at the invitation of whose forefathers we first assumed responsibilities* (Mavis Puthucheary, 1980, 9).

Walaupun British menyedari tanggungjawab tersebut, namun mereka tidak bersungguh-sungguh melaksanakannya. Orang Melayu tetap berada di dalam kemunduran berbanding kaum

pendatang (Puthucheary, 1980, 10). Polisi pendidikan British umpamanya, tidak melatih orang Melayu untuk mendapat pendidikan yang terbaik, bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Keadaan ini telah dikritik oleh para perwakilan Melayu yang menganggotai Dewan Undangan sama ada di Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura, yang menyifatkan dasar pendidikan British telah meletakkan orang Melayu dalam keadaan yang tidak mempunyai kelebihan dari sudut ekonomi (Puthucheary, 1980, 10). Usaha awal British untuk meramaikan orang Melayu bagi menyertai perkhidmatan awam adalah melalui penubuhan Kolej Melayu di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1905. Walau bagaimanapun, penubuhan Kolej Melayu ini hanya sekadar menyediakan tahap pendidikan yang minimum bagi pelajar Melayu untuk memasuki pekhidmatan kerajaan, bukannya bagi memasuki *Malayan Civil Service* (MCS) yang masih dikuasai oleh pegawai-pegawai British. Kerajaan British kemudiannya telah menubuhkan *Malay Administrative Service* (MAS) bagi pelajar Melayu lepasan Kolej Melayu Kuala Kangsar sebagai batu asas sebelum boleh memasuki MCS. Walau bagaimanapun, hanya segelintiran pegawai Melayu berjaya dipilih untuk memasuki MCS kerana terpaksa melalui beberapa tahap, iaitu dari Kelas III, ke Kelas II dan akhirnya ke Kelas I sebelum berjaya dinaikkan jawatannya ke MCS. Keseluruhan proses tersebut memakan masa minimum 10 tahun (Puthucheary, 1980, 11). British hanya membuka skim MCS kepada pegawai Melayu tanpa mengira status mereka pada tahun 1921. Sehingga tahun 1935 hanya terdapat 17 orang Melayu yang dilantik sebagai pegawai MCS, kemudian bertambah menjadi 20 orang pada tahun 1940. Antara sebab yang dikemukakan pihak British ialah kurangnya minat pegawai Melayu untuk menyertai MCS. Walau bagaimanapun menurut W.G. Maxwell, pegawai-pegawai Melayu ketika itu kebanyakannya tidak diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka. Malah gaji yang diberikan kepada pegawai-pegawai Melayu jauh lebih rendah berbanding pegawai-pegawai

British walaupun tahap kelayakan mereka adalah sama (Ahmad Kamal, 2008, 195). Perbezaan gaji dan peluang kenaikan pangkat yang terhad kepada pegawai Melayu disebabkan pegawai Melayu tidak mendapat latihan yang mencukupi bagi melayakkan mereka menjawat jawatan yang lebih tinggi. Hanya beberapa orang pegawai Melayu MCS yang telah dihantar belajar ke England di bawah skim biasiswa Ratu British yang dikhususkan untuk mereka bagi mendalami bidang undang-undang. Di samping itu, faktor kelayakan pegawai Melayu yang rendah berbanding pegawai British dan mereka terpaksa pula menghadapi beberapa peringkat ujian praktikal sebelum boleh memasuki MCS adalah faktor penghalang lebih ramai orang Melayu memasuki skim tersebut (Puthucheary, 1980, 12).

Hak istimewa orang Melayu menyebabkan British memberi keutamaan kepada orang Melayu menyertai perkhidmatan kerajaan. Walau bagaimanapun, selepas Perang Dunia Kedua, British berhasrat membuka MCS kepada kaum bukan Melayu selepas terbentuknya Perjanjian Persekutuan 1948 yang membolehkan kaum bukan Melayu mendapat hak kerakyatan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Cadangan tersebut telah ditimbulkan oleh Henry Gurney (Persuruhjaya Tinggi British) dalam persidangan Majlis Raja-Raja kelapan pada 31 Ogos 1949. Cadangan untuk membuka sektor MCS kepada kaum bukan Melayu telah ditentang oleh Raja-Raja Melayu atas pandangan bahawa orang Melayu perlu terlebih dahulu mencapai tahap yang membolehkan mereka bersaing dengan kaum lain. Henry Gurney sekali lagi membawa cadangan yang sama dalam persidangan Majlis Raja-Raja kesepuluh pada 22 dan 23 Februari tahun 1950. Sedikit kelonggaran telah diberikan oleh Raja-Raja Melayu dengan syarat tertentu seperti setiap pengambilan mestilah didasarkan atas nisbah 3 Melayu dan 1 bukan Melayu. Walaupun Majlis Raja-Raja memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Persekutuan pada tahun 1953 yang membolehkan pihak Suruhanjaya membuat peraturan bagi pengambilan dan kenaikan pangkat di Persekutuan Tanah Melayu, namun persetujuan itu diberikan atas jaminan bahawa kedudukan istimewa orang Melayu dalam perkhidmatan awam akan dipelihara. Bagi melaksanakan jaminan tersebut, Jeneral Templer yang ketika itu menjadi Persuruhjaya Tinggi British telah memperkenalkan sistem kuota bagi pengambilan kakitangan awam orang Melayu dan orang bukan Melayu mestilah dibuat atas nisbah 4 (Melayu) dan 1 (bukan Melayu) (Ahmad Kamal, 2008, 197-198). Sistem kuota ini dilaksanakan bagi menjaga hak istimewa orang Melayu dan janji British kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi kepentingan Melayu dalam perkhidmatan awam dan juga untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu (Puthuchery, 1980, 53). Tambahan pula di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, di bawah Klausula 19 (1), Persuruhjaya Tinggi British telah diberi tugas istimewa untuk menjaga dan melindungi hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

Hak Istimewa orang Melayu diwujudkan dengan rasional untuk membantu orang Melayu yang masih keterbelakang dalam aspek ekonomi berbanding kaum lain. Dengan memberi kedudukan istimewa kepada orang Melayu, Perlembagaan mewujudkan suasana di mana mereka boleh mengambil bahagian yang luas di dalam kegiatan ekonomi (Bruce Ross-Larson, 1980, 20). Ini kerana orang Melayu dalam sistem ekonomi kolonial hanya terlibat dalam aktiviti pertanian seperti penanaman padi, penangkapan ikan, sejumlah kecil dalam industri, penanaman kelapa, penanaman getah secara kecil-kecilan. Hakikat tersebut diakui oleh penyelidik-penyelidik sejarah ekonomi Tanah Melayu bahawa British hanya menggalakkan orang Melayu membuka kebun kecil yang luasnya di antara 1 hingga 10 ekar (Ramiah Adam, 2005, 224). Menurut



Puthucheary (1960), hampir tiada orang Melayu yang menceburi bidang perlombongan dan pembuatan. Tidak terdapat pegangan orang Melayu dalam sektor pengeksportan dan hanya sedikit penglibatan mereka dalam kegiatan import seperti pembuatan batik (lihat Jadu

**Jadual 1**

Kegiatan ekonomi penduduk berasaskan kepada kaum dan industri, tahun 1957 (dalam ribu)

<b>Kegiatan ekonomi</b>	<b>Melayu</b>	<b>China</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain</b>
Pertanian, Perhutanan, Nelayan	749	310	174	10
Padi	381	9	0.5	6
Getah	260	200	150	2
Perlombongan, pembuatan	36	136	16	2
Perdagangan	32	127	32	3
Lain-lain Industri dan perkhidmatan	180	174	80	38
Perkhidmatan kerajaan	17	5	8	2
Polis, pengawal keselamatan	43	4	2	1
Tentera	15	2	3	23

**Sumber:** R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, 1980, hlm. 7.

Keterbelakangan ekonomi orang Melayu pada zaman kolonial disebabkan oleh sikap British sendiri yang tidak banyak menolong dan menggalakkan orang Melayu maju dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Walaupun British perihatin terhadap orang Melayu yang kebanyakannya berada di dalam sektor tradisional iaitu penanaman padi, tetapi mereka tidak melaksanakan usaha-usaha yang berkesan untuk meningkatkan pengeluaran beras. British telah mewujudkan Skim Pengairan Krian pada tahun 1905, tetapi itu sahajalah satu-satunya projek yang dijalankan British sehingga berlakunya zaman kemelesetan ekonomi dalam tahun 1930an. Apabila orang Melayu yang berada di desa menunjukkan respons positif mereka untuk meningkatkan keluasan ladang getah mereka, tetapi kerajaan British pula telah menggunakan

tekanan dan mengubal enakmen bagi menghalang orang Melayu menukar status tanah sawah mereka kepada tanah getah. Pada tahun 1913, Enakmen Tanah Rizab Melayu telah diperkenalkan bagi menghalang penukaran tanah tradisional Melayu kepada yang orang bukan Melayu dan untuk memastikan kawasan penanaman padi dapat dikekalkan serta menjamin orang Melayu akan terus terlibat dengan aktiviti penanaman padi bagi dijadikan sebagai sumber makanan utama mereka yang semakin meningkat (The Malay Reservation Enactment, 1913). Rasional pewujudan Tanah Rizab Melayu menurut Nik Abdul Rashid (1993), ialah disebabkan faktor ekonomi seperti masalah penanam padi, peladang dan nelayan yang dibelenggu hutang. Bagi melangsaikan hutang, mereka akan menjual tanah. Masalah lain termasuklah masalah kurangnya fasiliti kredit, peladang tradisi, pengeluaran pertanian yang rendah, pemasaran yang lemah, infrastruktur yang kurang, masalah pengangkutan, eksplotasi orang tengah, lemah pengurusan dan kemiskinan yang dikaitkan dengan masalah orang Melayu (Nik Abdul Rashid, 1993).

Enakmen ini juga bertujuan menghalang orang Melayu membuat keuntungan yang cepat melalui penjualan tanah untuk tujuan peladangan dan kegiatan perdagangan yang lain. Ia juga menghalang orang Melayu yang berhutang menjual tanah mereka kepada pemberi pinjaman (Jesudason, 1989, 38). Antara fasal penting Enakmen Tanah Rizab Melayu itu ialah Residen berkuasa untuk mengubah suai batas dan sempadan Tanah Rizab Melayu dan memasukkan sebarang tanah yang sebelum ini berada di luar Tanah Rizab Melayu. Tanah yang dikategorikan Tanah Rizab Melayu tidak boleh dijual atau digadai kepada orang bukan Melayu (Government of Kelantan, Enactment No.18 of 1930). Fasal 13 Enakmen Tanah Rizab Melayu telah membatalkan semua urusan yang bertentangan dengan enakmen ini (The Malay Reservation

Enactment, 1913). Walau bagaimanapun, terdapat juga kes yang berkaitan dengan tanah milik orang Melayu yang berada dalam lingkungan Rizab Melayu telah dilelong kepada kaum bukan Melayu bagi melangsaikan hutang mereka kepada golongan Chettiar (Fail No. 371-1352, Departmental Papers, DL 250/52, Arkib Negara Malaysia). Selalunya tanah yang dilelong tersebut akan dibeli oleh orang bukan Melayu kerana mereka dapat membeli dengan harga yang tinggi dan mereka berhak mengeluarkannya dari status Tanah Rizab Melayu. Menurut Dr. Mahathir Mohamad, di Kedah beribu-ribu relung tanah padi telah jatuh ke tangan bukan Melayu oleh sebab peruntukan tersebut. Undang-undang tersebut tidak secara keseluruhannya menyekat tanah-tanah yang bernilai tinggi daripada dikeluarkan dan ditukar menjadi kepunyaan orang bukan Melayu. Undang-undang ini telah mengusir orang Melayu ke tanah-tanah yang tidak bernilai, sementara orang bukan Melayu terutama orang Eropah telah mengambil alih tanah-tanah yang mempunyai bijih dan dapat ditanam dengan getah (Mahathir Mohamad, 2009, 89-90).

Enakmen Tanah Rizab Melayu yang mula dikuat kuasakan pada tahun 1914, walaupun memberi perlindungan kepada tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu supaya tidak jatuh ke tangan bangsa lain, tetapi ia juga membawa implikasi negatif terhadap pengusahaan tanah-tanah tersebut. Misalnya, bagi kebanyakan tanah-tanah simpanan ini, penanaman dan jumlah pokok kelapa dan buah-buahan di setiap hektar adalah dihadkan. Tanaman getah juga tidak boleh ditanam kecuali dengan bayaran sewa tanah yang lebih tinggi atau tidak dibenarkan langsung. Kesannya, peraturan ini mengekalkan sejumlah besar penduduk-penduduk Melayu tinggal di kawasan desa dan menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang hanya cukup menyara hidup mereka (Negara Kita, 1982, 25). Pada tahun 1953, orang Melayu hanya mempunyai lebih kurang 200,000 kebun kecil getah yang keluasannya adalah kecil, purata 3.3 ekar dan 300 sahaja yang

mempunyai keluasan 25 ekar (Jesudason, 1989, 31). Pada tahun 1953 juga, orang Melayu hanya memiliki 0.6 peratus ladang getah berbanding 69.9 peratus pemilikan bangsa Eropah, 22.8 peratus orang Cina dan 5.6 peratus pemilikan ladang getah oleh orang India. Tujuan British melaksanakan dasar yang menghadkan penanaman dan pengeluaran getah di Tanah Melayu adalah untuk menjaga kepentingan syarikat British dari bersaing dengan pekebun kecil tempatan seperti yang disebutkan oleh Sir Andrew McFadyen, Pengerusi British North Borneo Company, katanya “*One of the primary object of Rubber Control Scheme was to protect Netherlands East Indies from competition arising from the production of rubber by the natives...*”(Barlow , 1978, 72).

Ringkasnya, Tanah Rizab Melayu walaupun diwujudkan bagi menjaga hak istimewa orang Melayu namun ia telah menyebabkan saiz tanah orang Melayu bukan sahaja kecil tetapi telah mengasingkan kaum ini ke kawasan mundur dengan kegiatan tradisional yang kurang produktif. Pada hakikatnya, British tidak mengambil perhatian yang berat terhadap Tanah Rizab Melayu. Tunku Abdul Rahman ketika berucap pada 26 Ogos 1951 telah mengkritik dasar British tersebut yang menyebabkan orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar telah lari jauh ke hulu dan ke tepi hutan. UMNO pada pandangannya perlu memperjuangkan supaya tanah di bandar-bandar diperuntukkan kepada orang Melayu. Menurut Tunku:

Yang saya maksudkan dengan “Tanah Reserve” untuk Melayu itu bukanlah seperti *settlement* malahan saya kehendaki ialah mana-mana tanah kosong di dalam bandar yang masih menjadi hak kerajaan hendaklah disimpan untuk Melayu. Saya bercakap atas perkara ini ialah untuk menjaga taraf Melayu dan

semangat Melayu supaya boleh dikatakan yang Melayu berhak di dalam negeri ini” (Ibrahim Mahmood, 1981, 317).

Kemunduran ekonomi orang Melayu telah dibahaskan oleh semua pihak, bermula dari kemunculan gerakan Islah awal abad ke 20 M, guru-guru Melayu, wartawan-wartawan dan pengarang-pengarang akhbar, persatuan-persatuan sosioekonomi dan persatuan-persatuan negeri, termasuk tokoh-tokoh reformis Melayu seperti Za’ba dan Dato’ Onn Ja’afar. Dato’ Onn umpamanya dalam mengulas kemunduran ekonomi orang Melayu telah menyalahkan polisi ekonomi British sendiri yang lebih suka mengekalkan ekonomi sara diri orang Melayu demi untuk mengelakkan mereka terdedah kepada ekonomi perdagangan, yang akan mengganggu kestabilan politik British sendiri. Mereka tidak mahu kehidupan tradisional orang Melayu diancam oleh sistem ekonomi moden (Ramlah Adam, 2005, 223-225). Ketika Dato’ Onn memimpin UMNO dan menganggotai Jawatankuasa *Communities Liason Committe* atau CLC (1949-1951), Dato’ Onn dalam rundingannya mengenai soal kerakyatan kaum bukan Melayu telah memberi kata dua kepada British bahawa UMNO tidak akan bersetuju dengan cadangan CLC selagi kerajaan British tidak memberi jaminan bertulis terhadap bantuan ekonomi dan sosial orang Melayu. Dato’ Onn menuntut supaya orang Melayu diberikan bantuan kewangan, latihan dan pengetahuan baru dalam bidang ekonomi, pelajaran dan pembinaan infrastruktur kampung-kampung Melayu. Justeru itu, dalam mesyuarat CLC di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1950, Henry Gurney mengisytiharkan penubuhan *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA), di mana Dato’ Onn telah dilantik sebagai Pengerusi RIDA yang pertama (Ramlah Adam, 2005, 228). Dato’ Onn telah dilantik sebagai pengerusi pertama RIDA pada awal tahun 1951. Penubuhan RIDA adalah bertujuan untuk memajukan ekonomi orang Melayu yang berada di

luar bandar supaya orang Melayu tidak menaruh syak wasangka kepada kaum lain, dengan demikian akan dapat membentuk bangsa Malayan yang bersatu. Perkara tersebut telah disebutkan dalam Laporan RIDA (1950-1955) yang menyebutkan matlamat penubuhan RIDA adalah untuk:

Memajukan lingkungan di sebelah kampong terutama sekali tempat-tempat yang diduduki oleh peladang-peladang Melayu yang kecil. Maka diharap dengan jalan ini akan menjadi bertambah baik hal iktisad tempat-tempat yang di sebelah kampong itu supaya orang-orangnya tiada menaruh syak terhadap bangsa-bangsa lain dan boleh dan boleh bersatu menjadi bangsa Malayan yang bersatu...” (Fiennes, 1956, 2).

Walau bagaimanapun penubuhan RIDA telah dikritik oleh orang Melayu. Yang kuat mengkritik penubuhan RIDA ialah Dr. Mahathir Mohamad. Pada pandangan Dr. Mahathir, penubuhan RIDA didorong oleh motif supaya orang Melayu lebih bertolak ansur dalam soal politik (pemberian hak kerakyatan kaum bukan Melayu). Kecaman juga datangnya dari golongan kiri Melayu yang melihat Dato' Onn sebagai 'pak turut' British dan tidak bersetuju Dato' Onn memegang dua jawatan sekali gus (sebagai YDP UMNO dan Pengerusi RIDA) serta menganggap penubuhan RIDA sebagai satu sedekah dari British (Ramlah Adam, 2005, 228-229). Lawan politik Dato' Onn turut menuduhnya bersifat perkauman. Dato' Onn menafikan tuduhan itu kerana beliau menganggap soal kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi ialah soal negara atau soal kebangsaan. Oleh itu langkah yang diambil untuk memperbaiki taraf

hidup orang Melayu adalah perlu dari segi kebangsaan dan usaha itu tidaklah boleh disifatkan sebagai perkauman (Anwar Abdullah, 2005, 226).

Penubuhan RIDA bermula dengan belanjawan yang kecil iaitu sebanyak 4 juta setahun. Dana ini diberi oleh kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos pentadbiran dan pengembangan RIDA seperti latihan, penyelidikan dan skim pembangunan. Di samping itu, RIDA juga diberi peruntukan sebanyak 10 juta bagi tujuan pemberian pinjaman bagi melaksanakan projek-projek tertentu. Bagi projek pembangunan, RIDA membiayai projek-projek pembangunan infrastruktur yang membawa faedah sosial dan ekonomi kepada penduduk luar bandar seperti pembinaan jalan raya, jambatan, jeti dan bekalan air. Bagi tujuan latihan, RIDA menumpukan aspek latihan yang tidak dijalankan oleh jabatan kerajaan bagi membantu orang Melayu bagi meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengeluaran yang lebih baik agar mereka dapat berpartisipasi dalam kegiatan ekonomi yang lebih besar. Latihan yang diberikan seperti perakaunan, pengurusan ladang getah, pembinaan kapal, penyelenggaraan mesin kapal, mesin traktor dan peralatan pertanian. RIDA juga memberi pinjaman yang dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu projek pilot sama ada bersifat komersil atau semi komersil seperti pemberian pinjaman kepada nelayan untuk membeli perahu berkuasa tinggi dan pemberian pinjaman dengan kadar faedah yang rendah kepada perusahaan yang produktif di kawasan luar bandar seperti pembangunan tanah, penangkapan ikan, industri pembuatan serbuk kopi, pemprosesan minyak kelapa, pengangkutan, kraftangan dan lain-lain (RIDA Annual Report 1957, 3-6).

Pinjaman RIDA dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu pinjaman yang besar (lebih dari RM 100,000) yang dikeluarkan semusim sekali kepada syarikat-syarikat kerjasama, kedua,

pinjaman sederhana (lebih dari RM10,000) kepada syarikat Berhad dan orang yang menjalankan perniagaan yang sederhana dan ketiga, pinjaman kecil (beberapa ratus atau ribu ringgit) kepada individu yang menjalankan sendiri perniagaan mereka (peniaga kecil) (Fiennes, 1956, 17). Supaya RIDA dapat berperanan dengan berkesan, ia telah mewujudkan ahli Lembaganya sendiri yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 11 ahli yang dilantik yang mewakili setiap negeri dan tidak lebih dari 12 ahli yang lain. Tanggungjawab RIDA menurut Ordinan RIDA tahun 1953, No. 48 ialah, *“It shall be the duty of the Authority to stimulate, facilitate and undertake economic and social development in the Federation and more particularly in the rural areas thereof”* (Fiennes, 1956, 2-3).

Penubuhan RIDA yang bermatlamat untuk membangunkan sosioekonomi orang Melayu terutama yang berada di luar bandar tidak pernah sunyi dari kritikan dari orang Melayu sendiri yang melihat ketidakberkesanan lembaga tersebut dalam membangunkan ekonomi orang Melayu. Hakikat ini dapat dilihat melalui perdebatan dan perbahasan ahli-ahli Dewan Undangan Persekutuan pada tahun 1958 dan 1959 yang banyak menyentuh peranan dan prestasi RIDA dalam memajukan golongan usahawan Melayu. Manakala apabila Dewan Negara ditubuhkan pada tahun 1960, kritikan yang sama turut didengari di Dewan tersebut. Umpamanya, Amaluddin Darus (wakil PAS) dalam perdebatan di Dewan Negara pada 5 Januari 1961 telah menyarankan agar kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap RIDA supaya ia berupaya menjadi tempat tumpuan bagi golongan pengusaha-pengusaha Melayu bagi mendapatkan bantuan pinjaman modal. Amaluddin seterusnya mengkritik usaha RIDA selama ini sebagai ‘melepaskan batuk di tangga’. Sebelum itu, Da Abdul Jalil (wakil Terengganu) turut mengkritik RIDA di Dewan Negara pada 10 Disember 1959 berhubung kegagalan RIDA menyediakan



peluang pekerjaan kepada golongan muda yang telah tamat mengikuti program latihan di RIDA (Dewan Negara Official Report, Vol. 1, No. 5, 151).

Kritikan tersebut telah dijawab oleh Tun Abdul Razak yang menjelaskan bahawa tujuan latihan RIDA adalah untuk memberikan pengalaman supaya selepas tamat latihan, mereka akan dapat menjalankan pekerjaan dengan lebih sempurna dan baik, bukannya bertujuan untuk memberikan mereka pekerjaan (Dewan Negara Official Report, Vol. 1, No. 5, 172). Dr. Mahathir Mohamad turut mengkritik pengurusan RIDA yang dijalankan seolah-olah seperti jabatan kebajikan. RIDA menurutnya tidak memberikan bantuan kepada peniaga-peniaga Melayu yang berkemampuan, sebaliknya wang diberikan kepada orang kurang berada yang masih teragak-agak untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Manakala orang yang menunjukkan kemampuan mereka boleh berjaya dalam perniagaan tidak mendapat bantuan RIDA. Ini kerana tujuan RIDA bukan untuk menolong orang berada menjadi lebih kaya. RIDA seolah-olah telah mewujudkan persaingan antara peniaga Melayu yang sudah berjaya dengan peniaga-peniaga Melayu yang dibantu RIDA (Mahathir Mohamad, 2009, 55). Terdapat juga kritikan yang melihat RIDA merupakan satu langkah untuk mewujudkan satu golongan kapitalis Melayu dengan memberi mereka pinjaman bagi menjalankan sesuatu perniagaan (Gomez, 1990, 4).

Imej RIDA seolah-olah sebagai sebuah jabatan kebajikan telah memberikan kesan negatif kepada prestasi RIDA bagi mencapai matlamat penubuhannya. Pada tahun 1956, telah timbul spekulasi bahawa lembaga tersebut akan ditutup kerana masalah hutang tertunggak kerana sikap orang Melayu yang liat membayar hutang. Tunku yang ketika itu menjadi Ketua Menteri telah memberi jaminan bahawa RIDA akan meneruskan fungsinya dan menjadi tulang belakang

negara serta akan mengubah polisi RIDA supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat (Tunku Abdul Rahman Putra, 1955-1956, 113). Pada tahun 1957, RIDA telah mengambil langkah untuk memperketatkan syarat-syarat pinjaman hanya kepada mereka yang layak dan terpilih, perniagaan yang berpotensi untuk maju dan faktor kemampuan membayar balik pinjaman mereka diambil kira sebelum kelulusan pinjaman diberikan. Ini kerana persepsi peminjam terhadap RIDA sebelum ini dengan tanggapan bahawa RIDA mempunyai obligasi untuk memberikan pinjaman kepada sesiapa saja yang memohon pinjaman tanpa sebarang jaminan. Dengan sebab itu, bermula tahun 1957, syarat pinjaman telah diperketatkan. Polisi baru yang diperkenalkan ini telah menyebabkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan RIDA telah berkurangan iaitu berjumlah \$1,754.000 iaitu kurang dari jumlah pinjaman yang pernah dikeluarkan pada tahun-tahun sebelum ini (RIDA Annual Report, 1957, 12-13).

### **Reaksi Pelaksanaan Kedudukan Hak Istimewa Orang Melayu**

Pewujudan kedudukan hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan melalui Perkara 153 dengan justifikasi bagi membantu meningkatkan sosioekonomi orang Melayu merupakan satu dasar yang difahami oleh kaum bukan Melayu semenjak sebelum merdeka lagi. Sebahagian dari kaum bukan Melayu tidak membantah hak istimewa tersebut diberikan kepada orang Melayu tanpa limitasi masa dan biarlah orang Melayu menentukan sendiri sama ada mereka memerlukan perlindungan tersebut atau sebaliknya. Mereka berpendapat kaum bukan Melayu seharusnya menawarkan pertolongan yang jujur bagi membangunkan ekonomi orang Melayu sehingga mereka boleh berdiri di atas kaki mereka sendiri dan bersaing dengan kaum lain berasaskan kepada peluang yang sama rata. Sehingga akhirnya orang Melayu berfikiran bahawa kedudukan hak istimewa tersebut tidak diperlukan oleh mereka lagi (Federal Legislative Council

Debates, 10 July 1957, 2892-2893). Sebahagian daripada kaum bukan Melayu walaupun mengiktiraf kedudukan hak istimewa orang Melayu tetapi dalam masa yang sama, mereka mahukan kedudukan hak istimewa tersebut tidak diberikan selama-lamanya kepada orang Melayu. Mereka mengharapkan peruntukan tersebut tidak membawa kepada ketidakadilan kepada kaum bukan Melayu dan menjejaskan hak sivil mereka. Perkara ini disebutkan oleh S.M. Yong di Dewan Undangan Persekutuan pada 10 Julai 1957. Katanya;

*I agree that economically and financially the Malays are not as strong as the non-Malays. The greater part of the wealth of this country are in the hands of the Europeans, next the Chinese and the Indians-which is very true. I think all the Chinese will agree that a greater share of the privileges must go to the Malays until they reach parity of wealth with the non-Malays. The Reid Constitutional Report suggested that this should not be written into the permanent part of the Constitution, but should be provided in another chapter at the end of the Constitution. If this provision is put in the permanent part of Constitution it will tarnish the fair name of our country... (Federal Legislative Council Debates, 10 July 1957, 2882-2883).*

Orang Melayu telah membantah dengan hebatnya cadangan menghadkan masa kedudukan hak istimewa orang Melayu. Dalam masa yang sama, orang Melayu berharap kedudukan hak istimewa orang Melayu yang dijamin dan diterima dalam Perlembagaan 1957 mestilah dilaksanakan oleh kerajaan Perikatan dengan bersungguh-sungguh agar mencapai objektif emansipasi ekonomi orang Melayu (Federal Legislative Council Debates, 10 July 1957, 2896).

Sementara itu, Dato' Onn yang memimpin Parti Negara telah menuduh UMNO bahawa hak istimewa orang Melayu telah dihapuskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Tuduhan tersebut telah dikeluarkan oleh Dato' Onn di Muar sehingga memaksa Tuan Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Dalam Negeri dan Kehakiman mengadakan satu rapat umum di *Muar Club* pada 4 Oktober 1958 yang dihadiri oleh kira-kira 3000 orang Melayu bagi memberi penjelasan kepada orang Melayu di Muar dan Batu Pahat bahawa tuduhan Dato' Onn tersebut adalah tidak berasas sama sekali. Tuan Sulaiman telah memberi penjelasan bahawa hak istimewa orang Melayu telah dilindungi oleh Sultan-Sultan Melayu (Berita Harian, 8 Oktober, 1958). Begitu juga dengan parti PAS yang memperjuangkan agar Melayu dijadikan sebagai rupa bangsa Persekutuan telah mengadakan rapat umum pada 13 November 1958 di Raub, Pahang yang dihadiri lebih dari 500. Dalam perhimpunan tersebut mereka telah berteriak "Hidup Melayu" dan "Hidup Agama". Othman Abdullah, pemimpin PAS telah menempelak Tun Razak kerana sikapnya yang tidak mahu menerima Melayu sebagai rupa bangsa Persekutuan. Othman telah menuduh Tun Razak hendak menegakkan "Malayang" dan melenyapkan hak istimewa orang Melayu. Perkara ini diasaskan kepada kecuaiannya kerajaan melayani permintaan tanah dari orang Melayu tetapi sebaliknya lebih mengutamakan permohonan tanah dari kaum bukan Melayu. Menurut Othman "kalau orang Melayu minta tanah, empat tahun kemudian masih belum terjawab. Tetapi kalau orang-orang bukan Melayu meminta tanah, sebulan sahaja sudah didapati tanah yang diminta itu" (Berita Harian, 14 November 1958).

Manakala Meor Arif seorang ahli Dewan Undangan Persekutuan ketika berucap dalam majlis mesyuarat perwakilan tergepar UMNO Bahagian Dinding, Setiawan, Perak pada bulan

Januari 1958 telah membidas sikap sebahagian orang Melayu yang asyik membanggakan kedudukan hak istimewa yang tercatat dalam Perlembagaan tetapi tidak membuat apa-apa usaha untuk memajukan bangsa mereka sedangkan kaum lain dengan senyap telah melaksanakan berbagai langkah bagi memajukan bangsa mereka. Kalau sikap sedemikian berpanjangan walaupun Hang Tuah pernah berkata “tak kan Melayu hilang di dunia”, akan tetapi nasib mereka akan menjadi penyampu longkang. Orang Melayu ujarnya jangan sekadar bermegah dengan kemerdekaan negara, tetapi perlu merebut peluang keemasan yang diberikan kepada orang Melayu (Warta Negara, 8 Januari 1958). Pengarang Warta Negara pada 21 Januari 1958 telah menulis sebuah rencana yang bertajuk “Di mana hak keistimewaan orang Melayu”. Pengarang *Warta Negara* telah menyebutkan walaupun hak keistimewaan orang Melayu telah diwujudkan dalam Perlembagaan tetapi sehingga hari ini (1958), keistimewaan itu hanya tinggal di atas nama keistimewaan semata. Bukan sahaja orang Melayu tidak tahu apakah keistimewaan yang telah diberi tetapi orang Melayu langsung tidak mengerti apakah huraian keistimewaan tersebut yang sebenarnya. Sepatutnya orang Melayu telah dapat merebut mana-mana peluang dalam segala lapangan dan kerajaan patut mengutamakan orang Melayu dalam segala urusannya. Pengarang *Warta Negara* telah mengkritik kenyataan yang telah dibuat oleh Bahaman Shamsuddin (Menteri Sumber) di Alor Star, yang menggesa orang Melayu tidak bermegah dengan hak keistimewaan mereka. Sedangkan pada hakikatnya menurut Pengarang *Warta Negara*, sepanjang yang diketahuinya “belum ada kedudukan keistimewaan tersebut dirasakan oleh orang Melayu, bagaimana mereka hendak bermegah dengannya. Kalau adapun siapa yang bermegah maka kemegahan kosong namanya” (Warta Negara, 21 Januari 1958).

Selepas merdeka Tunku Abdul Rahman lebih menonjolkan sifat toleransinya dengan kaum bukan Melayu dan berpegang kepada konsep kerja sama antara kaum yang berasaskan kepada pendekatan bahawa orang Melayu harus menguasai sistem politik sahaja. Ini kerana dengan menguasai politik, kuasa akan terus kekal di tangan orang Melayu. Manakala dalam bidang ekonomi, Tunku telah menetapkan satu dasar ekonomi yang liberal dengan setiap individu atau kaum berhak memilikinya. Tunku tidak menetapkan satu dasar secara kongkrit yang membolehkan kerajaan terlibat secara langsung untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu. Ini menyebabkan usaha mengintergrasi orang Melayu ke dalam ekonomi moden sukar dilaksanakan. Malah syarikat asing dan tempatan yang dimiliki bukan Melayu enggan bekerjasama dengan orang Melayu dalam kegiatan perekonomian mereka dengan alasan orang Melayu kurang berkemampuan dan tidak layak untuk meneroka kegiatan ekonomi komersial (Jamaie Hamil, 155).

Pendekatan ekonomi zaman Tunku Abdul Rahman lebih merupakan lanjutan dari dasar ekonomi penjajah yang bertunjangan kepada sistem ekonomi pasaran bebas. Dasar ekonomi kapitalis ini dapat dilihat melalui Rancangan Malaysia Pertama 1956-1960 yang menyaksikan penguasaan pemodal-pemodal British di Tanah Melayu ketika itu berjumlah kira-kira 60 peratus dan kerajaan tidak atau terlalu sedikit mencampuri sektor perniagaan dan perdagangan (Abdul Shukor Arifin, Hassan Hj. Ali, 1978). Walaupun begitu, kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tunku pernah membuat percubaan lemah untuk memajukan kepentingan golongan pemodal Melayu yang sudah mula muncul dan cuba memenuhi kehendak rakyat di luar bandar. Walau bagaimanapun, pendekatan yang digunakan oleh Tunku tersebut telah dikritik kerana tidak memperkukuhkan kedudukan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu. Tunku telah

dipersalahkan kerana kurang menumpukan kepada pembangunan sosial dan ekonomi orang Melayu (Ramasamy, 100). Misalnya Dr. Burhanuddin al-Helmy pada 8 Februari 1958 dalam satu ucapannya di Setiawan, Perak telah menyebutkan bahawa “kemerdekaan Tanah Melayu ini tidak ada satu bukti yang nyata dapat kita bangga-banggakan memberi keuntungan kepada orang Melayu”. Beliau menyifatkan Perlembagaan Tanah Melayu yang disusun oleh Suruhanjaya Reid keseluruhannya telah merampas segala hak asas kebangsaan Melayu. Beberapa tahun lagi melalui dasar kerakyatan yang longgar, Tanah Melayu akan menjadi sebuah negara bangsa bukan Melayu (Warta Negara, 9 Mac 1958). Kritikan yang sama telah dilontarkan oleh Dato’ Onn kepada Tunku Abdul Rahman pada awal bulan Mac 1958 di Kota Baru, Kelantan. Dato’ Onn menuduh Tunku sebagai orang yang ‘menguborkan’ hidup bangsa Melayu di tanah air mereka sendiri. Namun Tunku telah menolak tuduhan tersebut dengan menyatakan “saya tidak berniat sedikitpun dalam apa saja usaha dan perbuatan saya hendak menjatuhkan bangsa saya orang-orang Melayu sebagaimana yang dituduh oleh Dato’ Onn itu” (Warta Negara, 27 April 1958).

Kaum bukan Melayu dalam jangka masa dua tahun selepas merdeka tidak banyak mempersoalkan hak istimewa orang Melayu berbanding isu bahasa. Hakikat ini dapat dilihat dalam perbahasan di dalam Dewan Undangan Persekutuan antara tahun 1958 hingga 1959, dan isu-isu yang dilaporkan melalui akhbar sama ada *The Malay Mail* atau *The Straits Times* yang tidak banyak menyuarakan perkara tersebut. Kaum bukan Melayu sebahagiannya sudah menerima hakikat bahawa hak istimewa orang Melayu sudah dimaktubkan dalam Perlembagaan sebagai satu persetujuan yang telah dibuat oleh semua kaum sebelum merdeka. Fakta ini diperkukuhkan melalui rayuan yang dibuat oleh editorial Petir (suara parti PAP (*People’s Action*

*Party*) yang merayu kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu supaya bersikap toleransi dan membiarkan kaum Melayu menikmati hak istimewa mereka dalam jangka masa 15 tahun seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Dalam jangka masa tersebut, kaum Cina mestilah mengelakkan perasaan bimbang kepada orang Melayu dan menumpukan perhatian mereka menolong orang Melayu bagi memperkukuhkan kedudukan pelajaran dan kebudayaan mereka, dengan itu mereka akan dapat bersaing dengan kaum Cina dalam semua lapangan hidup (The Straits Times, 30 Januari 1959). Pandangan Petir (PAP) ini telah mendapat reaksi segera dari parti MCA. Yong Peng How (Ketua Publisiti MCA) telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa MCA sentiasa mengambil perhatian terhadap aspirasi kaum Melayu. Bahkan MCA telah menyumbang kepada pembentukan Perlembagaan yang menyediakan satu peruntukan bagi melindungi hak istimewa orang Melayu (The Straits Times, 31 Januari 1959).

Pendekatan liberal Tunku dalam persoalan ekonomi telah memberi keuntungan kepada kaum Cina yang mendominasi ekonomi negara. Umpamanya, perniagaan orang Cina telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 1960an dengan mengambil peluang dari kehilangan posisi politik orang Barat yang wujud dalam zaman kolonial. Sebahagian dari kejayaan perniagaan orang Cina ialah mereka telah menjadi konglomerat yang besar dalam hampir semua sektor perniagaan. Antara konglomerat Cina yang terkenal yang mempunyai empayar perniagaannya yang besar ialah Robert Kuok dan saudaranya yang terkenal dalam perniagaan beras dan gula. Beliau telah menubuhkan Kuoks Brothers Sdn. Bhd. di Johor dengan perniagaan beras, gula dan gandum. Beliau kemudiannya telah menjadi peneraju perniagaan gula yang terbesar di Malaysia dan melibatkan diri dalam pelbagai perniagaan seperti hartanah, hotel dan lain-lain (Jesudason, 1989, 61). Penguasaan ekonomi yang semakin meluas



dalam kalangan kaum Cina telah menimbulkan perasaan tidak puas hati oleh golongan pertengahan Melayu dan wujudnya percubaan untuk menyingkirkan pemimpin Cina dari mengawal portfolio ekonomi dalam kabinet kerajaan (Sundara Raja, 2004, 134). Tun Tan Siew Sin sebagai Menteri Kewangan dikatakan telah menghadkan pinjaman yang menyebabkan berlakunya kekurangan peruntukan dana kepada program-program yang telah disusun oleh orang Melayu (Jesudason, 1989, 54). Abdul Aziz Ishak di dalam memoirnya telah menyebut perkara tersebut, katanya:

*Tan Siew Sin, the Minister of Finance at this time, tried to justify himself when he denied finances for co-operative projects by saying that nearly 2 ½ million dollars had given out to Malay fishermen and farmers but the return was slow. He therefore felt justified in stopping further assistance to the rural people (Aziz Ishak, 1977, 36).*

Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian ketika itu (1955-1963) telah beberapa kali membuat aduan bahawa Kementerian Kewangan telah menyekat penyaluran peruntukan kepada projek-projek usahasama (koperatif) walaupun Parlimen telah meluluskan projek-projek tersebut (Aziz Ishak, 1977, 36). Projek-projek yang diwujudkan oleh Aziz Ishak di luar bandar adalah bertujuan untuk mengatasi masalah 'orang tengah' peniaga Cina di luar bandar (Aziz Ishak, 1977, 39). *Red tape* yang wujud dalam kerajaan telah menghalang beliau untuk berkhidmat dengan kerajaan, terutama kepada masyarakat luar bandar. Dengan sebab itu, Abdul Aziz Ishak telah mengutus surat kepada Tunku Abdul Rahman bagi menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan kabinet. Walau bagaimanapun Tunku Abdul Rahman telah menasihati beliau supaya

mempertimbangkan dengan semasak-masaknya keputusan tersebut. Tunku Abdul Rahman telah menasihatkan Abdul Aziz dengan katanya:

*I asked you that in order to overcome these technicalities you should consult the Attorney General and the Minister of Finance but instead of doing so you carried on in a way which showed utter contempt and disregard for my authority as Chairman of the Committee, and for all that mattered to you, nobody else counts except yourself (Tunku Abdul Rahman, 1957).*

Abdul Aziz kemudiannya telah menerima nasihat dari Tunku dan tidak jadi meletakkan jawatan kabinet. Tunku telah menzahirkan kegembiraan di atas tindakan Abdul Aziz kerana ia dapat mengelakkan dari kritikan terhadap kerajaan dan spekulasi liar berhubung isu perletakkan jawatan tersebut (Tunku Abdul Rahman, 17 Oktober 1957).

## **Kesimpulan**

Melalui perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kedudukan hak istimewa orang Melayu merupakan hak orang Melayu yang sah. Kedudukan tersebut telah diakui oleh penjajah British seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Persekutuan 1948 dan cuba dilaksanakan oleh British melalui dasarnya mengenai pendidikan, tanah, pentadbiran, ekonomi dan politik. Meskipun demikian, usaha British melaksanakan kedudukan hak istimewa orang Melayu tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh dan tidak mampu mengeluarkan orang Melayu dari kemundurannya. Usaha tersebut hanya sekadar menjaga perasaan atau sensitiviti orang Melayu dan menghalang penentangan orang Melayu terhadap British. British tidak mahu sejarah penentangan orang

Melayu berulang seperti mana yang ditunjukkan melalui kebangkitan orang Melayu menentang gagasan *Malayan Union* pada tahun 1946. Kedudukan istimewa orang Melayu bukan saja sah dari sudut sejarah dan undang-undang tetapi mempunyai justifikasi bagi mengeluarkan orang Melayu dari kemunduran ekonomi mereka. Justifikasi tersebut memang diakui oleh British dan sebahagian daripada kaum bukan Melayu. Justeru itu, British menerima cadangan orang Melayu bagi memasukkan kedudukan istimewa orang Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Reid yang merangka perlembagaan baru Tanah Melayu. Walaupun demikian terdapat bantahan sebahagian daripada kaum bukan Melayu yang masih tidak berpuas hati dengan peruntukan tersebut kerana dianggap bertentangan dengan prinsip kesamarataan dan seolah-olah mendiskriminasikan mereka.

Selepas merdeka, orang Melayu meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat kedudukan istimewa orang Melayu dilaksanakan melalui dasar-dasar kerajaan yang jelas di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai wahana mengeluarkan orang Melayu dari daerah kemunduran yang sekian lama mereka warisi sejak dari zaman penjajahan British lagi. Walau bagaimanapun, harapan orang Melayu tersebut dikecewakan melalui pendekatan politik Tunku Abdul Rahman yang bersifat pluralisme dan dasar ekonomi yang *non-interventionist* serta liberal. Pendekatan tersebut telah dikritik oleh orang Melayu terutama kerana Tunku Abdul Rahman tidak memperlihatkan satu kesungguhan bagi meyakinkan orang Melayu bahawa kerajaan benar-benar komited memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu, namun dilihat lebih menguntungkan kaum bukan Melayu. Bahkan kegagalan kerajaan Perikatan dalam melaksanakan matlamat pewujudan kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan telah melebarkan lagi jurang pencapaian ekonomi antara kaum yang memangkinkan berlakunya

ketegangan hubungan kaum pada zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman. Ketegangan hubungan antara kaum ini telah berakhir dengan konflik berdarah pada tahun 1969. Model pembangunan ekonomi *laisser-faire* telah dirombak apabila berlakunya rusuhan kaum dalam tahun 1969. Justeru itu, selepas tahun 1970, pimpinan golongan muda Melayu telah mendesak kerajaan untuk campurtangan (*interventionist*) atau melibatkan diri dengan lebih meluas dalam ekonomi negara di bawah pengubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bernaung di bawah hak istimewa orang Melayu yang diakui sah oleh Perlembagaan bagi mengelakkan konflik yang sama berulang pada masa hadapan.

#### **RUJUKAN**

Anwar Abdullah. 2005. *Biografi Dato' Onn: Hidup Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Shukor Arifin dan Hassan Hj. Ali. 1978. "Pergolakan Dasar Ekonomi Negara Sebelum dan Selepas Merdeka". *Kongres Sejarah Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 10-12 April 1978.

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2004. "Jurang Komposisi dalam Perkhidmatan Awam", dlm. Sivachandralingam Sundara Raja *et. al.*, *Sejarah Masih Releven*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Aziz Ishak. 1977. *Special Guest: The Detention in Malaysia of an Ex-Cabinet Minister*, Singapore: Oxford University Press.

Barlow, Colin. 1978. *The Natural Rubber Industry: Its Development, Technology and Economy in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

*Berita Harian*, 14 November 1958.

*Berita Harian*, 8 Oktober 1958.

Fail No. 371-1352, Departmental Papers, DL 250/52, Arkib Negara Malaysia.

Federation of Malaya, *Federal Legislative Council Debates*, 10 July 1957. Kuala Lumpur: Government Printers, 1957.

*Federation of Malay Constitution Commission 1956-1957*

Fiennes, D.A.M. 1956. *Penyata Di Atas Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, 1950-1955*, Alor Star: Pejabat Cap Kerajaan Kedah.

Gomez, Edmund Terence. 1990. *Pelaburan Korporat UMNO*, Terjemahan Mohd Nazari Ismail, Kuala Lumpur: FORUM.

Government of Kelantan. 1930. Enactment No.18 of 1930, *The Malay Reservations Enactment, 1930*.

Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1981.

Jamaie Hamil. 2004. *UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jesudason, James V. 1989. *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business and Multinational in Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

Mahathir Mohamad. 2009. *Dilema Melayu*, Cet. Semula, Shah Alam: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.

*Negara Kita*. 1982. Cet. 2, , Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.

Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid. 1993. “Malay Reservation Land: Concepts”, *Seminar Tanah Rizab Melayu-Perspektif Pembangunan*, 28 September 1993, Jabatan Pernilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan, Malaysia.

Federation of Malay. 1960. *Parliamentary Debates, Dewan Negara (Senate) Official Report*, Vol. 1, No. 5, Kuala Lumpur: Government Printers.

Puthucheary, Mavis. 1980. *The Politics of Administration: The Malaysian Experience*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Ramasamy, P. “Ethnicity, Patronage and Legacy: Leadership Conflicts in UMNO”, dlm. Lim Teck Ghee at. et., (ed), *Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future*,

Ramlah Adam. 2005. *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*, Cet. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Ross-Larson, Bruce. 1980. “Latarbelakang Sosial dan Politik”, dlm. Kevin Young *et al.*, (ed), *Malaysia Pertumbuhan dan Keadilan Dalam Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1980.

Rural and Industrial Development Authority Federation of Malaya, *Annual Report 1957*.

Sundara Raja, Sivachandralingam. 2004. "Economic Problems in the Context of Ethnic Relations in Peninsular Malaysia", dlm. Sivachandralingam Sundara Raja *et. al.* (eds), *Sejarah Masih Releven*

Surat Tunku Abdul Rahman kepada Encik Abdul Aziz bin Ishak, 15 October, 1957. Arkib Negara Malaysia.

Surat Tunku Abdul Rahman kepada Encik Abdul Aziz Ishak, 17 October 1957. Arkib Negara Malaysia.

Tan Siew Sin. 1965. "Perhubungan Antara Kaum di Malaysia", Ucapan Tan Siew Sin kepada Kesatuan Penuntut-Penuntut Universiti Singapura, 23 Julai 1965.

*The Malay Reservation Enactment, 1913*, Federated Malay States Government Gezette, Dec. 1913, No. 61, Vol. 5.

*The Straits Times*, 31 January, 1959.

*The Straits Times*, January 30, 1959.

*Ucapan-ucapan Tunku Abdul Rahman Putra, 1955 dan 1956*. 1979. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Warta Negara*, 21 Januari 1958.

*Warta Negara*, 27 April 1958.

*Warta Negara*, 9 Mac 1958.

*Warta Negara*, 8 Januari 1958.